

NO. SOALAN: 81

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 26 Mei 2016

RUJUKAN : 9072

SOALAN:

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kenapa Kementerian Dalam Negeri membuat keputusan tidak membenarkan kemasukan pekerja asing secara total dan tidak membuat keputusan membenarkan pekerja asing masuk ke negara kita secara teratur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan pada 19 Februari 2016 telah memutuskan untuk menanggukkan semua permohonan pengambilan pekerja asing baharu sehingga Kerajaan berpuas hati dengan keperluan sebenar oleh pihak industri. Asas penanggukan ini juga bertujuan untuk memberi peluang secukupnya kepada rakyat tempatan bekerja di sektor-sektor yang didominasi oleh pekerja asing.

Walau bagaimanapun, Kerajaan masih memberi peluang kepada industri untuk menggajikan pekerja asing melalui program Rehiring. Kerajaan akan memberi tumpuan kepada Program Rehiring yang telah berjalan bermula pada 15 Februari 2016 sehingga 30 Jun 2016. Program ini akan memberi peluang kepada PATI yang berada di dalam negara untuk bekerja secara sah.